

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

“TERIMA KASIH SEMUA”

Assalammualaikum, Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

PUTRAJAYA, 25 JULAI 2023 - Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YAB Menteri Besar, YB Menteri-Menteri Persekutuan, YBhg Tan Sri KSN, YBhg Dato' KPPA dan semua rakyat yang telah hadir menziarahi Allahyarham YB Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta menguruskan pengurusan jenazah Allahyarhan di Kedah dan Johor hingga dikebumikan pada tengah hari 24 Julai 2023.

2. Kehadiran dan kerjasama semua pihak menggambarkan betapa kasihnya kita kepada Allahyarham yang telah banyak meninggalkan jasa yang tidak ternilai untuk kesejahteraan rakyat dan negara.
3. Saya juga ingin menzahirkan rasa syukur dan amat berpuas hati atas kerjasama yg diberikan oleh pelbagai pihak terutamanya pihak pengurusan dan barisan pegawai perubatan di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah dalam menguruskan operasi dan penjagaan Allahyarham ketika dalam rawatan di ICU.
4. Secara khusus juga, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Pegawai KPDN di semua peringkat terutama pegawai-pegawai KPDN negeri Kedah dan KPDN Negeri Johor yang telah menyelaraskan kerja-kerja yang diperlukan bagi melancarkan pengurusan dan pengebumian sehingga jenazah Allahyarham selamat disemadikan di Johor bersebelahan dengan pusara keluarga seperti yang dipinta.

5. Terima kasih juga kepada YB Anthony Loke, Menteri Pengangkutan Malaysia yang bersetuju menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara khas untuk membawa jenazah Allahyarham dari Alor Setar ke Johor. Begitu juga dengan krew dan kakitangan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan kakitangan Lapangan Terbang Alor Setar serta Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor yang telah menguruskan pemindahan jenazah dari Alor Setar hingga ke Tanjung Piai.
6. Sesungguhnya pemergian Allahyarham secara mendadak meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada kita semua terutama rakyat yang telah menikmati manfaat dari Legasi Allahyarham menerusi Inisiatif Payung RAHMAH. Pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan besar kepada KPDN, rakyat dan negara kerana kepimpinan Allahyarham banyak memberi impak positif kepada usaha-usaha menangani isu kos sara hidup rakyat.
7. KPDN amat yakin semua usaha-usaha serta sumbangan Allahyarham ketika menjadi Menteri KPDN akan terus diperjuangkan sebagai legasi yang hidup sepanjang zaman dan kelestarian Inisiatif-Inisiatif seperti Payung RAHMAH akan terus dilaksanakan dengan terancang dalam tahun-tahun yang mendatang demi kemaslahatan rakyat dan kesejahteraan negara. Pastinya itu semua akan menjadi amal jariah yang terus mengalir untuk Allahyarham sampai akhirat, insya-Allah.
8. Saya mengajak semua untuk sama-sama berdoa semoga pengorbanan Allahyarham mendapat ganjaran yang setimpal dari Ilahi dan roh Allahyarham ditempatkan di tempat yang paling mulia bersama para solihin dan syuhada, aamiin.

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH SALLEH,
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP,
PUTRAJAYA, 25 JULAI 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

